

GARISPANDU DAN PERATURAN BAGI LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT:

1. PERMOHONAN

Bagi sekolah – sekolah, institusi-institusi pendidikan dan pihak luar yang berhasrat untuk membuat lawatan sambil belajar pada ke Bangunan Dewan Majlis, hendaklah menulis surat sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh lawatan sambil belajar kepada:

Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara,
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Bangunan Dewan Majlis,
Jalan Dewan Majlis, BB3910,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Pelawat-pelawat dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan pada tajuk KOD PAKAIAN.

2. KOD PAKAIAN:

PEGAWAI – PEGAWAI, KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG AWAM (yang berhasrat mendengarkan persidangan):

- Baju kemeja lengan panjang, tali leher & bersongkok (bagi lelaki)
- Pakaian Melayu Islam Beraja
- Baju Melayu lengkap, sinjang & bersongkok
- Baju kurung & tudung
- Baju kemeja wanita & seluar/skirt labuh panjang (bagi perempuan)
- Lounge Suit

INSTITUSI PENDIDIKAN:

MAHASISWA / MAHASISWI:

- Baju lengan panjang (bagi Mahasiswa)
- Baju kurung & tudung (bagi Mahasiswi)
- Berpakaian kemas & sopan

PENUNTUT – PENUNTUT / MURID – MURID:

- Pakaian seragam sekolah masing – masing (school uniform)

PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN:

- Topi / Cap
- Baju lengan pendek, baju-T, baju sukan
- Seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan
- Skirt pendek, leggings
- Sandal, selipar